

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 15/10/2008

## PM rasmi Wisma Sejarah

*Um - 15/10/2008*  
KUALA LUMPUR 14 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan bangunan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) yang terletak di Jalan Tun Razak di sini.

Bangunan setinggi 10 tingkat yang dikenali sebagai Wisma Sejarah itu disiapkan pada akhir tahun 2003 dengan kos pembinaan kira-kira RM20 juta.

Wisma Sejarah yang dibina dengan penekanan kepada ciri-ciri seni bina Melayu itu telah menjadikannya sebagai salah satu mercu utama di Jalan Tun Razak berikutan karakter budaya yang kuat.

Selain ibu pejabat PSM, di bahagian anjungnya itu juga menempatkan dewan serbaguna, bilik-bilik seminar serta perpustakaan, manakala di bahagian menara ia menempatkan bangunan pejabat.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapannya pada majlis perasmian itu melahirkan rasa bangga di atas kejayaan PSM untuk memiliki sebuah bangunan ibu pejabat yang tersendiri di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi persatuan itu.

Katanya, dengan terdirinya bangunan itu diharapkan PSM akan terus memberikan sumbangan bermakna kepada negara melalui peranannya dalam memberi kesedaran kepada masyarakat.

### Ilmiah

"Saya juga menyeru setiap lapisan masyarakat supaya terlibat dengan kegiatan PSM kerana aktiviti ilmiah melalui persatuan ini mampu memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada negara," katanya.

Sementara itu, Omar dalam ucapan aluannya berkata, asal usul pembinaan Wisma Sejarah bermula dengan pengurniaan tanah oleh kerajaan pada tahun 1979 hasil daripada cadangan pembinaan muzium sejarah dan bangunan PSM.

Katanya, namun 14 tahun selepas itu, usaha untuk membangunkan projek masih tidak berhasil berikutan kekurangan dana sehinggalah pada tahun 1994 apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berminat dengan tanah itu untuk membangunkan sebuah pusat perubatan.

"Selepas memperoleh dana, pelancaran kerja pula tergendala beberapa kali ekoran kegawatan sehinggalah akhirnya pada tahun 2001, barulah ia dapat di sempurnakan.

"Akhirnya PSM mula berpindah masuk ke bangunan ini pada Disember 2003 dari bangunan pejabat lama di Jalan Hose," jelasnya.

Dalam pada itu, Omar juga menyasarkan kepada kerajaan agar mewujudkan 'Muzium Darurat' yang bukan sahaja untuk mengenang mereka yang terlibat pada tempoh itu, tetapi juga sebagai cara menempelak kelompok yang menganggap komunis sebagai pejuang kemerdekaan.

"PSM juga sedang berusaha mengumpulkan dana untuk penubuhan satu kursi mengenai Sejarah Bangsa Melayu di universiti tempatan.

"Satu lagi projek PSM ialah penulisan definitif tentang sejarah Malaysia yang dilakukan bersama beberapa badan ilmiah lain," ujarnya.